



RM20.89 bilion untuk Program Subsidi Upah

Beri manfaat kepada 357,895 majikan untuk kekalkan 2.96 juta gaji pekerja tempatan serta kurangkan kadar pengangguran

KUALA LUMPUR

Kerajaan telah menyalurkan sejumlah RM20.89 bilion kepada 357,895 majikan melalui Program Subsidi Upah (PSU) untuk mengekalkan penggajian 2.96 juta pekerja tempatan dan mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan pekerja warganegara Malaysia.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, bagi PSU 1.0, seramai 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja menerima manfaat di bawah pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (Prihatin) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) dengan permohonan subsidi upah yang diluluskan mencecah nilai RM12.958 bilion setakat 1 Julai lalu.

Beliau berkata, di bawah PSU 2.0 setakat 1 Julai lalu, sejumlah RM1.408 bilion telah disalurkan kepada 81,158 majikan untuk terus beroperasi dan mengekalkan penggajian seramai 719,024 pekerja.

"Sementara bagi PSU 3.0 setakat tempoh yang sama, sebanyak RM3.766 bilion telah disalurkan kepada 162,307 majikan untuk mengekalkan penggajian bagi 1.53 juta



TENGGU ZAFRUL

pekerja.

"Malah, PSU 3.0 turut ditambahbaik dengan Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi Dan Rakyat Malaysia (Permai), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (Pemeraksa) dan Pemeraksa," katanya dalam Laporan Kewangan Rakyat Ke-103 yang dikeluarkan pada Jumaat.

Tengku Zafrul berkata, di bawah Pakej Perlindungan Rakyat Dan Pemulihan Ekonomi (Pemulihan), kerajaan telah melaksanakan PSU 4.0 dengan peruntukan sebanyak RM3.8 bilion yang dijangka memberi manfaat kepada 2.5 juta pekerja.

"Bagi PSU 5.0, sebanyak RM188.072 juta disalurkan kepada 7,579 majikan setakat 1 Julai lalu bagi membolehkan mereka terus beroperasi dan mengekalkan penggajian untuk 106,948 pekerja," katanya. - Bernama

10 BERITA SINAR HARIAN PALING TRENDING

SETAKAT JAM 5 PETANG JUMAAT

1 TELESKOP RAKAM PEMANDANGAN MENAKJUBKAN DI ALAM SEMESTA

2 PENOLONG PENGARAH JPN MAUT TERSERET 29 METER

3 DUA WARGA SINGAPURA TERBABIT KES KHIANAT SUDAH DITAHAN

4 LELAKI MAUT DIPERCAYAI DIPUKUL ISTERI

5 RESTORAN AMBIL PESANAN GUNA KOD QR TIDAK MESRA PELANGGAN?

6 NILAI RINGGIT TERUS SUSUT

7 SUAMI ISTERI BAWA 45 PISTOL DITAHAN DI LAPANGAN TERBANG

8 CENTAURUS PULA MENGGANAS

9 ISRAEL TAKUT DENGAN DRON IRAN

10 WAN AZIZAH TERKILAN WUJUD MUSUH DALAM SELIMUT